

Nyanyian panton sebagai medium hiburan dan pendidikan masyarakat Cocos di Sabah

ABSTRACT

Etnik Cocos merupakan masyarakat minoriti di negeri Sabah yang memiliki pantun seperti masyarakat Melayu. Pantun Cocos mengemukakan pelbagai tema seperti cinta dan kasih sayang, ajaran(nasihat), budi, mengaco (hiburan), kecewahan perpisahan, agama dan kongajar (lucah). Perbezaan dengan pantun Melayu ialah daripada segi pengucapan dan pemilihan diksi. Gaya pengucapan pantunnya agak unik ditambah dengan ekspresi dan gerak tubuh pemantun ketika melantunkan pantun. Persembahan fizikal pemantun secara tidak langsung memberi hiburan kepada pendengar dan penonton dengan lagak yang bersahaja dan memberikan hiburan berdasarkan persembahan yang dilakukan seperti dalam tarian Melenggok, Selongdan Labuan Tidak Berbukit. Kajian lapangan berbentuk pemerhatian dan temu bual dilakukan di Kampung Balung Cocos, Kampung Skim Cocos dan Kampung Simpang Empat, Kunak, dimana lokasi penempatan orang Cocos. Data dianalisis menggunakan teori Puitika Melayu karya Muhammad Hj Salleh. Kajian mendapati walaupun pantun Cocos sarat dengan hiburan dan gaya penyampaiannya kelihatan tidak serius, ilmu didikan dan pengajaran tidak dilupakan oleh pemantun sebagai pengajaran untuk masyarakatnya